

**AUTONOMI GURU DAN AMALAN PENTAKSIRAN
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)
DI SEKOLAH KLUSTER**

RAVIKUMAR A/L K.VARATHARAJ

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

**AUTONOMI GURU DAN AMALAN PENTAKSIRAN
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)
DI SEKOLAH KLUSTER**

OLEH

RAVIKUMAR A/L K.VARATHARAJ

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

JANUARI 2015

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada guru saya Profesor Madya Dr. Abdul Ghani Kanesan b. Abdullah selaku penyelia utama saya dan Dr. Aziah Ismail sebagai penyelia bersama yang telah memberikan bimbingan, sokongan, bantuan dan dorongan sehingga selesai kajian ini. Seterusnya ucapan terima kasih kepada Dekan dan semua pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung.

Penghargaan juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi kemudahan Cuti Belajar untuk membolehkan saya mengikuti pengajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada kesemua Jabatan Pelajaran Negeri di atas kebenaran yang diberikan bagi menjalankan kajian di sekolah-sekolah rendah Kluster Kecemerlangan di Semenanjung Malaysia. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada guru besar Sekolah Kluster Kecemerlangan (Rendah) serta guru yang menjayakan kajian ini.

Akhir sekali untuk keluarga saya yang telah menjadi pendorong utama dalam menyiapkan kajian ini khususnya isteri tercinta Pn. Kamaleswary Sedupati, serta anak-anak tersayang Hariish Kumar dan Umahyal yang telah banyak berkorban demi Appa. Tidak lupa juga kepada kawan-kawan yang telah banyak membantu sehingga membolehkan saya menyiapkan kajian ini.

SUSUNAN KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Perubahan Dasar Pendidikan Kebangsaan Kearah Pembangunan Modal Insan	8
1.2.2	Transformasi Sistem Pentaksiran Kebangsaan Dalam KSSR	10
1.2.3	Autonomi Guru	17
1.3	Pernyataan Masalah	20
1.4	Tujuan Kajian	25
1.5	Persoalan Kajian	26
1.6	Kepentingan Kajian	27
1.7	Limitasi Kajian	31
1.8	Definisi Operasional Kajian	34
1.8.1	Pentaksiran (Assessment)	34
1.8.2	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	35

1.8.3	Pentaksiran Untuk Pembelajaran (PUP)	35
1.8.4	Pentaksiran Tentang pembelajaran (PTP)	36
1.8.5	Autonomi Guru	36
1.9	Kesimpulan	37

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	38
2.2	Konsep Autonomi Guru	38
2.3	Definisi Autonomi Guru	44
2.4	Dimensi Autonomi Guru	46
2.5	Model-Model Autonomi Guru	49
2.5.1	Teori Motivasi Hygiene atau Teori Motivasi Dua Faktor	49
2.5.2	Rumusan Pemilihan Model	54
2.6	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) – Konsep dan Pendekatan	54
2.7	Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) Malaysia	57
2.8	Pentaksiran	59
2.9	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	66
2.9.1	Dasar Pentaksiran Berasaskan Sekolah Malaysia	72
2.10	Definisi Pentaksiran Untuk Pembelajaran	75
2.11	Konsep dan Ciri-Ciri Pentaksiran Untuk pembelajaran	77
2.11.1	Perkongsian Objektif Pembelajaran	82
2.11.2	Penyoalan	83
2.11.3	Maklumbalas	85

2.11.4	Pentaksiran Kendiri dan Rakan Sebaya	90
2.12	Model-model berkaitan Kajian Pelaksanaan Dasar	92
2.12.1	Kerangka Analisis Dasar Cheng dan Cheung (1995)	92
2.12.2	Model Analisis Dasar Dunn (1994)	94
2.12.3	Model Pelaksanaan Dasar Mazmanian dan Sabatier (1983)	96
2.13	Model Pentaksiran Berorientasikan Pembelajaran	97
2.13.1	Tugasan Pentaksiran Sebagai Tugasan Pembelajaran	100
2.13.2	Penglibatan Murid	101
2.13.3	Menutup Lingkaran Maklumbalas	102
2.14	Teori Pembelajaran	103
2.15	Kerangka Konseptual Kajian	107
2.16	Kesimpulan	111

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	112
3.2	Reka Bentuk Kajian	112
3.3	Kaedah Kuantitatif	116
3.3.1	Variabel Kajian	116
3.4	Kaedah Kualitatif	118
3.5	Populasi dan Persampelan	120
3.5.1	Teknik Persampelan Kajian Kuantitatif	121
3.5.2	Teknik Persampelan Kajian Kualitatif	123
3.5.3	Pemilihan Sekolah	123

3.5.2	Pemilihan Sampel Kajian Kuantitatif	124
3.5.3	Pemilihan Sampel Kajian Kualitatif	125
3.6	Instrumen Kajian	126
3.6.1	Imstrumen kajian Kuantitatif	126
3.6.2	Instrumen Kajian Kualitatif	129
	3.6.2.1 Temubual Separa Berstruktur	129
	3.6.2.2 Pemerhatian	131
3.7	Kajian Rintis	132
3.7.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Kaedah Kuantitatif	132
	3.7.1.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kandungan Instrumen Autonomi Guru	133
	3.7.1.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Amalan Pentaksiran	135
3.7.2	Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Item-item Soal Selidik	138
	3.7.2.1 Analisis Faktor Instrumen Autonomi Guru	138
	3.7.2.2 Analisis Faktor Instrumen Amalan Pentaksiran Guru	143
	3.7.2.3 Analisis Faktor Instrumen Nilai Pentaksiran Guru	147
3.7.3	Kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Kajian Kaedah Kualitatif	151
3.9	Prosedur Kajian	152
3.10	Prosedur Analisis Data	155
	3.10.1 Analisis Data Kuantitatif	155
	3.12.2 Analisis Data Kualitatif	156
3.11	Kesimpulan	159

BAB 4 :ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	161
4.2	Penapisan Data	161
4.2.1	Analisis Kehilangan Data	162
4.2.2	Analisis Data Nilai Ekstrem (Outliers)	162
4.2.3	Analisis Kenormalan Data	163
4.3	Kadar Respons dan Taburan Demografi Responden	163
4.4	Analisis Deskriptif dan Inferens Kajian	165
4.4.1	Analisis Deskriptif Item Autonomi Guru	169
4.4.2	Analisis Deskriptif Item Amalan Pentaksiran dan Nilai Pentaksiran	172
4.4.3	Korelasi Antara Autonomi Guru, Amalan Pentaksiran dan Nilai Pentaksiran	177
4.5	Analisis Regresi	181
4.5.1	Dapatan Analisis Regresi Variabel Peramal terhadap Variabel Pembelajaran Eksplisit	182
4.5.2	Dapatan Analisis Regresi Variabel Peramal terhadap Variabel Autonomi Murid	183
4.5.3	Dapatan Analisis Regresi Variabel Peramal terhadap Variabel Prestasi Murid	185
4.7	Kesimpulan	186
4.8	Analisis Dapatan Kualitatif	188
4.9	Latar Belakang Responden	189
4.10	Kaedah Pelaksanaan Analisis Data Kualitatif	198
4.11	Autonomi Guru	199
4.11.1	Kebebasan Dan Kuasa Guru	200

4.11.2	Amalan Autonomi Kurikulum	206
4.11.2.1	Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran	207
4.11.3	Amalan Autonomi Umum	212
4.11.3.1	Pengurusan Bilik Darjah	213
4.11.3.2	Penyediaan Instrumen Pentaksiran	217
4.11.3.3	Penglibatan Dalam Hal Ehwal Sekolah	220
4.12	Pentaksiran	223
4.12.1	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	223
4.12.2	Amalan Pentaksiran Guru	227
4.12.3	Amalan Pentaksiran Untuk Pembelajaran (PUP)	234
4.12.3.1	Berkongsi Objektif Pembelajaran	235
4.12.3.2	Penyoalan	239
4.12.3.3	Maklumbalas	246
4.12.3.4	Pentaksiran Kendiri dan Rakan Sebaya	251
4.13	Cabaran Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	255
4.13.1	Pemahaman Dasar dan Kaedah Pelaksanaan PBS	256
4.13.2	Kursus Pelaksanaan PBS	261
4.13.3	Peningkatan Beban Tugas Guru	264
4.13.4	Pelaksanaan Pentaksiran Untuk Pembelajaran	266
4.14	Kesimpulan	269
 BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pendahuluan	272
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	272

5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	274
5.3.1	Pandangan Guru Terhadap Amalan Autonomi	275
5.3.2	Pandangan Guru Terhadap Amalan Pentaksiran Serta Nilai Yang Dipegang Tentang Pentaksiran	281
5.3.3	Pandangan Guru Tentang Amalan Pentaksiran Untuk Pembelajaran	285
5.3.4	Hubungan Antara Autonomi Guru dengan Amalan Pentaksiran dan Nilai Pentaksiran	292
5.4	Implikasi Kajian	294
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori	294
5.4.2	Implikasi Terhadap Amalan	296
5.4.3	Implikasi Kepada Penyelidikan	298
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	300
5.6	Kesimpulan	301
	RUJUKAN	304
	LAMPIRAN	328

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Rumusan Pensampelan Guru	130
Jadual 3.2	Susunan Item-Item Soal Selidik Tahap Autonomi Guru	132
Jadual 3.2:	Temubual Guru	135
Jadual 3.4:	Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Soal Selidik Autonomi Guru	139
Jadual 3.5:	Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Soal Selidik Amalan Pentaksiran Untuk Pembelajaran.	141
Jadual 3.6	Matriks Pengumpulan Data Penyelidikan	147
Jadual 4.1	Ujian Normaliti Deskriptif <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> Item Soal Selidik	153
Jadual 4.2	Bilangan dan Peratusan Maklum Balas	154
Jadual 4.3	Taburan Profil Guru Yang Menjadi Sampel Kajian Kuantitatif	155
Jadual 4.4	Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan (<i>Alpha Cronbach</i>)	156
Jadual 4.5	Ringkasan Kesahan Konstruk Autonomi Guru Menggunakan Analisis Faktor	157
Jadual 4.6	Ringkasan Keputusan Analisis Faktor Pemuatan Faktor-Faktor Autonomi Guru : Kaedah Putaran Varimax	159
Jadual 4.7	Min, Sisihan Piawai serta Kebolehpercayaan Dimensi Autonomi Guru	160
Jadual 4.8	Korelasi Pearson Dimensi Autonomi Guru	160
Jadual 4.9	Ringkasan Kesahan Konstruk Amalan Pentaksiran Guru Menggunakan Analisis Faktor	161
Jadual 4.10	Ringkasan Keputusan Analisis Faktor Pemuatan Faktor-Faktor Amalan Pentaksiran Guru : Kaedah Putaran Varimax	163
Jadual 4.11	Min, Sisihan Piawai serta Kebolehpercayaan Dimensi Amalan Pentaksiran Guru	164
Jadual 4.12	Korelasi Pearson Dimensi Amalan Pentaksiran Guru	165

Jadual 4.13	Ringkasan Kesahan Konstruk Nilai Pentaksiran Guru Menggunakan Analisis Faktor	165
Jadual 4.104	Ringkasan Keputusan Analisis Faktor Pemuatan Faktor-Faktor Nilai Pentaksiran Guru : Kaedah Putaran Varimax	167
Jadual 4.15	Min, Sisihan Piawai serta Kebolehpercayaan Dimensi NilaiPentaksiran Guru	168
Jadual 4.16	Korelasi Pearson Dimensi Nilai Pentaksiran Guru	169
Jadual 4.17	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Variabel Kajian	171
Jadual 4.18	Nilai Skor Min, Median dan Sisihan Piawai Variabel Kajian	172
Jadual 4.19	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Mengikut Dimensi Variabel Autonomi Kurikulum dan Autonomi Umum	172
Jadual 4.20	Nilai Min dan Sisihan Piawai Item Autonomi Guru	173
Jadual 4.21	Nilai Min dan Sisihan Piawai Item Amalan Pentaksiran Guru	176
Jadual 4.22	Nilai Min dan Sisihan Piawai Item Nilai Pentaksiran Guru	177
Jadual 4.23	Koefisien Korelasi antara Autonomi Guru dengan Amalan Pentaksiran Guru	181
Jadual 4.24	Koefisien Korelasi antara Autonomi Guru dengan Nilai Pentaksiran Guru	182
Jadual 4.25	Koefisien Korelasi antara Amalan pentaksiran Guru dengan Nilai Pentaksiran Guru	183
Jadual 4.26	Koefisien Regresi: Faktor-Faktor Autonomi Guru dan Nilai Pentaksiran terhadap Pembelajaran Eksplisit	187
Jadual 4.27	Koefisien Regresi: Faktor-Faktor Autonomi Guru dan Nilai Pentaksiran terhadap Autonomi Murid	188
Jadual 4.28	Koefisien Regresi: Faktor-Faktor Autonomi Guru dan Nilai Pentaksiran terhadap Prestasi Murid	190

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Model Pentaksiran Berasaskan Sekolah Malaysia	77
Rajah 2.2	Model Pentaksiran Memacu Penyampaian (PdP)	84
Rajah 2.3	Kerangka Analisis Dasar Cheng dan Cheung	97
Rajah 2.4	Model Analisis Dasar Dunn	98
Rajah 2.5	Kerangka Pentaksiran Berorientasikan Pembelajaran	101
Rajah 2.6	Kerangka Konseptual Kajian	111
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian	118
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	145
Rajah 3.3	Proses Analisis Data Kualitatif	149
Rajah 4.1	Pelaksanaan Temu bual Responden Kajian	202

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PUP	Pentaksiran Untuk Pembelajaran
PTP	Pentaksiran Tentang Pembelajaran
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
GB	Guru Besar

**AUTONOMI GURU DAN AMALAN PENTAKSIRAN DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
(KSSR) DI SEKOLAH KLUSTER**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan guru tentang amalan autonomi dan amalan pentaksiran serta nilai yang dipegang tentang pentaksiran di Sekolah Kluster Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara autonomi guru dengan amalan pentaksiran serta nilai pentaksiran guru. Dua kaedah pengumpulan data digunakan dalam kajian ini, iaitu kaedah tinjauan dan kaedah kualitatif. Bagi kaedah tinjauan, soal selidik terjemahan *Teacher Autonomy Scale (TAS)* dan *Improving School Effectiveness* telah digunakan sebagai alat ukur untuk memperoleh data. Kaedah tinjauan melibatkan sampel seramai 471 orang guru akademik yang mengajar di Tahun 1 dan 2 di Sekolah Kluster Malaysia (Rendah) dari Semenanjung Malaysia. Kaedah kualitatif pula menggunakan teknik analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian pengajaran seramai 10 orang guru akademik yang dipilih secara *purposive sampling* berdasarkan skor agregat min individu. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa pandangan guru mengenai autonomi dan amalan pentaksiran serta nilai pentaksiran adalah pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini juga turut menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara autonomi guru dengan amalan pentaksiran serta nilai pentaksiran. Dapatan kualitatif menerangkan pandangan guru mengenai autonomi serta amalan pentaksiran dan turut menyokong dapatan kuantitatif mengenai tahap pandangan tersebut. Namun begitu pelbagai isu dan permasalahan di luar skop kajian timbul mengenai amalan pentaksiran yang perlu diberi perhatian oleh pihak bertanggungjawab.

**TEACHER AUTONOMY AND ASSESSMENT PRACTICES IN TEACHING
AND LEARNING STANDARDS-BASED CURRICULUM FOR PRIMARY
SCHOOL IN CLUSTER SCHOOLS.**

ABSTRACT

The aim of the study is to identify teacher's view of autonomy, their assessment practices and the value they hold about the assessment in Malaysian Cluster Schools. This study is also aimed at identifying the relation between teacher autonomy and assessment practices as well as the value they hold about assessment. A couple of data collection method has been administered in the study to collect the data namely quantitative survey and qualitative study. For the purpose of survey, Teacher Autonomy Scale (TAS) and Improving School Effectiveness instruments has been used as a measurement tool to collect the data. A sample size of 471 academic teachers teaching in Years 1 and 2 at Malaysian Cluster Schools in Peninsular Malaysia answered the questionnaire. In the qualitative method, document analysis, teacher interview and observation was carried out involving 10 academic teachers selected using purposive sampling based on their individual mean aggregate score. The outcome of the study indicates that the teacher's view of autonomy, assessment practices and values are at moderate level. The outcome also showed significant positive relation between the variables. Despite that, many issues and problems which are not in the scope of study rose from the qualitative findings that need serious consideration from relevant parties.

Bab 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bermula dari tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Perubahan ini adalah selaras dengan perubahan yang berlaku pada peringkat global, menyaksikan pelaksanaan pelbagai inovasi dalam sistem pendidikan bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Hal ini dapat dilihat, terutamanya dalam pengadaptasian pengurusan pendidikan melalui Pengurusan Berasaskan Sekolah (*School Based Managemant*) yang telah lama diamalkan di negara-negara maju seperti Amerika, Kanada, New Zealand, United Kingdom, Australia, dan Hong Kong. Pengadaptasian tersebut memberikan autonomi dalam hal pembuatan keputusan (*decision making*) kepada pihak sekolah bagi hal pentadbiran dan pengurusan. Hal ini kerana, sekolah yang sudah sedia cemerlang memerlukan pendekatan pengurusan baharu untuk melonjakkan kecemerlangannya. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK), seperti termaktub dalam teras ke-6 PIPP, iaitu untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan, yang menjadi pemangkin ke arah meningkatkan kualiti pendidikan dan berautonomi selaras dengan amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah (Aziah & Abdul Ghani Kanesan, 2011).

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini, KPM telah menyetujui suatu pembaharuan, iaitu perubahan daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). KSSR merupakan suatu usaha KPM untuk membawa perubahan komprehensif kepada sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini bertujuan untuk bergerak selari dengan kemajuan pendidikan global dan tidak ketinggalan daripada kelompok negara maju selaras dengan hasrat mencapai wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia antara negara berpendapatan tinggi (Jabatan Perdana Menteri, 2010). KSSR membawa pembaharuan terhadap pematuhan standard kualiti yang perlu dicapai oleh murid pada sesuatu peringkat pendidikan untuk menghasilkan murid yang kompeten, berpengetahuan dan berdaya saing (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Salah satu aspek yang diberi perhatian serius dalam KSSR ialah bentuk pentaksiran yang akan diamalkan disekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Pengenalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (*School Based Assessment*) dalam KSSR dengan tumpuan kepada Pentaksiran Untuk Pembelajaran (*Assessment For Learning*) meningkatkan peranan guru dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Sistem pentaksiran dalam KSSR ini turut memberi autonomi kepada guru dalam hal menentukan bentuk pentaksiran yang dilaksanakan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2011).

Sehubungan dengan itu, kajian ini merupakan sebuah kajian bercorak eksplorasi yang berkisar terhadap pelaksanaan dasar oleh pihak KPM. Kajian ini berfokus kepada amalan autonomi guru di bilik darjah dalam merencanakan proses pentaksiran yang membantu pembelajaran murid melalui pelaksanaan PUP dalam dasar pentaksiran

kebangsaan iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Sebagai rumusannya, kajian yang komprehensif mengenai aspek autonomi guru belum pernah dijalankan dan sudah sampai masanya kajian sedemikian dilaksanakan selaras dengan hasrat KPM untuk membawa perubahan kepada sistem pentaksiran di Malaysia melalui implementasi dasar PBS.

1.2 Latar Belakang Kajian

Trend terkini dalam sistem pendidikan global adalah untuk membawa perubahan kerana sifat kedinamikan pendidikan yang memberi laluan kepada inovasi. Pembangunan modal insan yang inovatif, kompeten, berpengetahuan, berkemahiran, dan memiliki nilai tambah (*value-added*) hanya dapat direalisasikan melalui pendidikan. Oleh itu, kerajaan Malaysia, khususnya KPM mengambil langkah untuk membawa perubahan yang komprehensif terhadap sistem pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001, 2006a). Dalam hal ini, KPM telah memperkenalkan pelbagai dasar seperti dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBM/MBI), dasar Satu Murid Satu Sukan dan terkini Dasar KSSR menggantikan KBSR serta Dasar PBS.(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Kesemua dasar yang diperkenalkan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini adalah bertujuan untuk memacu Malaysia mencapai dasar Wawasan 2020 dan mencapai status negara maju sekaligus membawa Malaysia ke satu peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, perubahan ini juga bertujuan untuk melahirkan modal insan yang mampu menjadi '*global player*' dan mempunyai minda kelas pertama (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006a).

Menurut Hussin (2001), pembangunan sistem pendidikan berlaku dengan lancar dari sudut makro, namun dari sudut mikro, organisasi sekolah di Malaysia masih belum setaraf dengan sekolah di negara maju. Hal ini adalah kerana kekurangan usaha inovasi yang dilakukan dalam pembangunan organisasi sekolah yang berkaitan dengan kekuasaan birokrasi dari atas ke bawah (*top-down*). Kenyataan Kementerian Pelajaran Malaysia (2006a), menunjukkan bahawa terdapat pelbagai isu dalam pendidikan yang mencadangkan keupayaan serta keperluan sekolah adalah berbeza antara satu sama lain.

“...keimpinan sekolah masih tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai pemimpin pengurusan dan pemimpin pengajaran (instructional leadership) yang berkesan. Pengupayaan kepada sekolah adalah terhadap dan semua sekolah masih perlu mengikuti satu sistem, prosedur dan pendekatan yang seragam dan tidak mengambil kira kemampuan, keupayaan khusus dan potensi untuk sekolah melaksanakan dasar dan program pendidikan sendiri. Layanan yang sama diberi kepada semua sekolah walaupun pada realitinya sekolah mempunyai keperluan, kekuatan dan kelemahan serta keupayaan yang berbeza”.

(Halaman: 28)

Kepelbagaian dalam keupayaan sekolah mencadangkan ‘satu saiz untuk semua’ (*one size fits all*) tidak relevan dengan keadaan semasa dan perancangan pada peringkat mikro amat diperlukan untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006a). Pihak sekolah, terutamanya guru besar serta guru perlu bersikap proaktif bagi merealisasikan dasar mikro dalam pelaksanaan kurikulum, kokurikulum, pentaksiran dan sebagainya. Hal ini kerana beberapa dasar pendidikan bersifat dinamik dan anjal, iaitu boleh diubah suai dan anjal mengikut konteks tempat, masa, dan budaya (Hussin, 2001). Peranan guru menjadi lebih signifikan dalam era k-ekonomi yang pesat membangun dan memerlukan perubahan dalam perancangan pendidikan (Abdul Rahim, 2001).

Menurut Bray dan Varghese (2008), perancangan pendidikan pada era 60-an dan 70-an memberikan tumpuan kepada negara sebagai satu unit perancangan. Namun melalui inovasi, pendidikan era 80-an, 90-an dan milenium ini memberi tumpuan kepada unit yang lebih kecil dan tertumpu seperti negeri, daerah serta sekolah sebagai satu unit perancangan seperti amalan desentralisasi di negara-negara maju. Amalan desentralisasi dalam pendidikan dilaksanakan dengan mengalihkan autonomi ke sekolah sebagai satu unit perancangan serta memberikan kebebasan dalam hal pentadbiran dan pengurusan sekolah. Amalan desentralisasi juga mula diamalkan di Malaysia di sekolah-sekolah terpilih seperti SKK melalui pemberian autonomi terpinpin terhadap beberapa perkara pentadbiran dan pengurusan sekolah (Aziah, 2011).

Teras keenam PIPP adalah untuk melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan yang berhasrat untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia dengan tujuan melahirkan modal insan yang berupaya untuk bersaing dalam era yang sangat mencabar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006a). Dalam usaha melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan tersebut, pihak KPM memperkenalkan konsep sekolah kluster. Penubuhan SKK adalah bertujuan memperakui dan menjenamakan sekolah yang dikenal pasti cemerlang mengikut kebitaraannya dari aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid serta diberi autonomi (Aziah, 2011). Amalan desentralisasi bertujuan memberi autonomi kepada pihak sekolah dalam proses membuat keputusan terhadap beberapa aspek seperti pewujudan kelas khas bersesuaian dengan bidang khusus yang dipilih, penawaran kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), dan tempoh PdP yang bersesuaian dengan pengkhususan sekolah, perolehan bahan pengajaran, penjanaan dan pengurusan kewangan (Kementerian

Pelajaran Malaysia, 2006b). Walaupun Sekolah Kluster diberikan autonomi dalam pengurusan organisasi masing-masing, namun sekolah dalam jenama ini tidak terkecuali daripada mengambil bahagian dalam pelaksanaan dasar KPM yang lain, terutamanya dalam hal kurikulum seperti KSSR.

Perubahan dasar dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan sistem pendidikan di Malaysia kekal relevan dengan perubahan global. Perubahan dasar merupakan satu proses kitaran yang sentiasa memperbaharui atau membuat penambahbaikan terhadap perkara yang kurang berkesan dalam sesuatu sistem. Dasar, menurut Parsons (1995), ialah suatu usaha untuk menentukan dan menstrukturkan sesuatu tindakan secara rasional. Perubahan dasar yang kerap berlaku adalah hasil daripada proses analisis dasar yang dilakukan untuk memantapkan atau memperbaharui sesuatu tindakan yang telah dilaksanakan. Menurut Patton dan Sawicki (1993), proses analisis dasar merupakan proses penting yang boleh dilakukan pada peringkat sebelum ataupun selepas pelaksanaan sesuatu dasar.

Analisis dasar bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berguna tentang nilai serta tindakan yang wajar diambil dan juga untuk menjelaskan kesan pelaksanaan dasar tersebut (Dunn, 1994; Patton & Sawicki, 1993). Proses analisis dasar merupakan usaha penting oleh penggubal dasar bagi menilai semula keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut. Contohnya, dasar PBS yang diperkenalkan melalui pelaksanaan dasar KSSR memerlukan kajian yang komprehensif untuk melihat pelaksanaan dasar tersebut seperti yang dihasratkan oleh penggubal dasar. Cheng dan Cheung, (1995) mencadangkan bahawa proses dasar secara umumnya merupakan proses mengenal pasti masalah, menjana objektif dasar, menggubal cadangan alternatif untuk mencapai

objektif dasar, penilaian kos keberkesanan cadangan alternatif, pilihan proses yang paling tepat, pelaksanaan dasar dan seterusnya penilaian dasar. Fasa pelaksanaan merupakan fasa yang amat kritikal. Hal ini kerana pelbagai masalah atau jurang antara hasrat penggubalan dasar dan pelaksanaan dasar tersebut dapat dikenal pasti. Kawalan ke atas pelaksanaan dasar atau kebolehan untuk memastikan pelaksanaan dasar mematuhi objektif dasar tersebut merupakan kunci pada kejayaan ataupun kegagalan pelaksanaan sesuatu dasar (Barret & Fudge, 1981). Misalnya dalam kajian ini, pemahaman guru terhadap pelaksanaan dasar PBS serta objektif PBS amat penting untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut.

Seterusnya pelbagai jurang yang dikenal pasti pada fasa pelaksanaan akan memberi gambaran tentang perkara yang memerlukan pembaharuan ataupun penambahbaikan. Barret dan Fudge (1981) berpendapat bahawa pelaksanaan dasar secara asasnya bergantung pada aspek mengetahui perkara yang perlu dibuat, kesediaan sumber yang dikehendaki, kebolehan mengawal sumber yang sedia ada untuk mencapai hasil yang dikehendaki, kebolehan berkomunikasi dalam organisasi dan mengawal prestasi pelaksanaan. Pelaksanaan dasar akan menjadi berkesan apabila pihak pelaksana memahami kehendak serta tujuan sesuatu dasar dan sumber yang diperlukan itu mencukupi. Guru selaku pelaksana dasar PBS perlu mendalami kehendak serta tujuan dasar tersebut diperkenalkan. Selain itu, guru juga harus mengetahui sumber yang diperlukan, mempunyai kebolehan untuk mengawal sumber tersebut dan mampu berkomunikasi secara berkesan untuk memastikan prestasi pelaksanaan yang cemerlang.

1.2.1 Perubahan Dasar Pendidikan Kebangsaan Ke Arah Pembangunan Modal Insan

Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bermula dengan Penyata Razak 1956 dan termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1957 telah melalui pelbagai proses penyemakan dan penambahbaikan. Laporan Rahman Talib 1960 merupakan hasil penyemakan dan penambahbaikan Penyata Razak dan termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Laporan Kabinet 1979 merupakan satu lagi hasil kajian semula Dasar Pendidikan bertujuan untuk memperbaiki pelaksanaannya supaya matlamat melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi pembangunan negara dapat dicapai. Seterusnya, penyemakan Akta Pelajaran 1961 dilaksanakan supaya mengekalkan sistem pendidikan yang relevan dengan kemajuan pendidikan negara. Akta Pendidikan 1996 yang diperkenalkan masih berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada. Akta tersebut masih berpaksikan perakuan utama Penyata Razak 1956 yang menjadi asas kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan selama ini (Ahmad Fauzi Mohamed, 2010). Justeru, tujuan utama pendidikan di Malaysia adalah untuk melengkapkan rakyat dengan ilmu pengetahuan, selain menyediakan barisan pekerja yang berpengetahuan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja negara.

Penghasilan tenaga kerja yang mahir serta berpengetahuan merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh negara untuk merealisasikan pencapaian Wawasan 2020 dan melangkah ke status negara maju dan berpendapatan tinggi. Pendekatan modal insan (*human capital*), iaitu pelaburan terhadap sumber manusia merupakan satu idea yang dicetuskan dalam RMK9 dengan menggunakan model negara maju yang telah berjaya seperti Jepun dan Korea Selatan di rantau ini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006a).

Dalam hubungan ini, aspek pendidikan dan latihan merupakan satu bentuk pelaburan yang amat penting serta dianggap sebagai elemen dalam modal insan kerana fitrah manusia tidak boleh dipisahkan daripada pengetahuan, kemahiran, kesihatan dan nilai-nilai yang dimiliki mereka (Mohd Safaai Said, 2009). Hal tersebut dinyatakan dalam *The Third Outline Perspective Plan (OPP3)* (2001):

“Keutamaan akan terus diberi kepada pendidikan, dengan meningkatkan pelaburan, kerana ia adalah kunci dalam membangunkan keupayaan untuk mencipta, menyesuaikan diri dan menyebarkan pengetahuan baru. Pendidikan asas yang kukuh adalah asas untuk membina tenaga kerja yang sihat, mahir dan tangkas untuk bersaing dengan jayanya di pasaran dunia. Strategi akan dilaksanakan untuk menjadikan sekolah platform untuk memupuk kemahiran berfikir dan belajar secara yang penting untuk keperluan tenaga kerja masa hadapan”.

(Halaman:159)

Pelaksanaan KSSR berpegang pada prinsip-prinsip yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Penambahbaikan dilakukan terhadap KBSR untuk membawa perubahan terhadap prinsip-prinsip sedia ada. Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Wee Ka Siong dalam sidang Dewan Negara menjelaskan bahawa transformasi kurikulum, iaitu KSSR turut melibatkan pengukuhan dan pemantapan sifat serta peribadi pelajar yang berasaskan pada enam tunjang iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, fizikal dan estetika, literasi sains dan teknologi, serta ketrampilan diri bagi melahirkan insan holistik (Bernama,2010). Hal ini adalah untuk memastikan kurikulum yang diajarkan mampu membentuk dan melahirkan murid yang mempunyai peribadi kental dan seterusnya menyediakan ruang dan peluang untuk membangunkan modal insan yang lebih holistik, berpengetahuan serta berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif.

1.2.2 Transformasi Sistem Pentaksiran Kebangsaan Dalam KSSR

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), kerajaan Malaysia telah merancang untuk membawa perubahan terhadap kurikulum kebangsaan seperti yang tercatat dalam RMK10:

“Dalam tempoh Rancangan, kurikulum baru untuk sekolah rendah dan menengah akan diperkenalkan. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah akan diganti dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada 2011 dan ini akan diikuti dengan kurikulum baru untuk sekolah menengah. Kurikulum baru berbentuk modular ini akan memberi peluang kepada setiap murid melalui proses pembelajaran mengikut kemampuan sendiri, memupuk sikap bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri menerusi aktiviti eksplorasi yang dapat menyerlahkan potensi mereka. Kurikulum ini juga akan menekankan kreativiti, inovasi dan keusahawanan merentasi semua mata Pelajaran”

(Halaman:215)

Perubahan yang dimaksudkan adalah sebenarnya pengukuhan dan penambahbaikan yang dilakukan terhadap kurikulum KBSR yang sedia ada. Hal ini dijelaskan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/ 2010, Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap Satu Mulai 2011, iaitu

“Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah melalui proses transformasi. Kurikulum yang telah diperkukuh dan ditambah baik ini dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Mulai tahun 2011, KSSR akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan Tahun 1”.

(Halaman: 1)

Dalam konteks KSSR, transformasi ataupun perubahan yang dilakukan adalah perubahan yang holistik berdasarkan kurikulum persekolahan sedia ada dengan mengambil kira keperluan perubahan kepada aspek asas kurikulum seperti struktur kandungan, pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan kurikulum dan pengurusan sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Hal ini bermaksud KSSR

masih mengekalkan Dasar Kurikulum Kebangsaan yang berkiblatkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan memegang prinsip-prinsip KBSR yang sedia ada. Satu perubahan yang diketengahkan dalam kajian ini adalah aspek pentaksiran yang mendapat perhatian utama dalam transformasi kurikulum ini.

Bagi merealisasikan matlamat KSSR, guru memainkan peranan penting, bertanggungjawab dan terlibat secara langsung dalam menentukan kejayaan dasar ini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Hal ini kerana perubahan dalam kurikulum adalah satu usaha transformasi pendidikan yang memerlukan komitmen dan sokongan yang tinggi daripada guru sebagai pelaksana dasar untuk memastikan kejayaan pelaksanaannya. Salah satu aspek yang diberi perhatian serius dalam KSSR ialah bentuk pentaksiran yang akan diamalkan di sekolah. Pentaksiran merupakan sebahagian daripada proses PdP. Proses PdP akan diikuti dengan pentaksiran yang bersesuaian untuk menilai pencapaian dan pemahaman murid. Guru dapat mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pencapaian atau pemahaman murid tersebut. Musa (2008) menegaskan bahawa pentaksiran amat penting dalam proses PdP kerana perkara ini akan memberi maklumat tentang hasil pembelajaran murid.

Pentaksiran pembelajaran adalah satu usaha formal untuk menentukan status murid terhadap variabel pembelajaran yang dilaluinya (Pophan, 1999). Proses PdP mempunyai hubungan yang erat dengan pentaksiran dan kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Guru perlu mengetahui secara terperinci tentang perkara yang telah dipelajari oleh murid semasa sesi pengajaran dan satu-satunya cara yang terbaik adalah melalui pentaksiran. Bagi memantapkan dasar modal insan, salah satu matlamat dalam teras ke dua PIPP, adalah untuk memantapkan dan memperbaharui

sistem pentaksiran dan penilaian murid yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke sembilan (RMK9) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006a).

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di dalam sistem pendidikan:

“...akan memastikan pencapaian murid diukur berdasarkan ujian rujukan kriteria yang memberi penekanan kepada task-based assessment. Dengan pentaksiran berasaskan sekolah, semua bentuk pentaksiran yang lebih bersifat holistik boleh dilaksanakan. Sistem pentaksiran dan penilaian akan dikaji semula untuk menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasi peperiksaan”.

(Halaman: 64)

Pelaksanaan PBS direalisasikan dan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2011 dalam KSSR. PBS dilaksanakan secara menyeluruh terhadap murid tahun satu dengan tujuan untuk memastikan semua murid melepasi standard pembelajaran yang ditetapkan. Selain itu, PBS juga bertujuan menyediakan satu sistem pentaksiran yang holistik, telus dan relevan bagi memastikan standard tersebut dicapai. Tumpuan diberi pada Pentaksiran Untuk Pembelajaran (PUP) yang bermaksud sama dengan Pentaksiran Formatif. PUP digunakan untuk mengenal pasti tahap pembelajaran serta kekuatan dan kelemahan murid dan melaksanakan penambahbaikan yang secara langsung akan membantu mengurangkan masalah keciciran dalam pembelajaran di kalangan murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Pentaksiran autentik dan holistik yang diamalkan di sekolah akan dijalankan secara berterusan untuk memastikan pencapaian dan perkembangan murid adalah selari dengan pembelajaran mereka. Peranan guru dalam pelaksanaan PBS semakin meningkat kerana golongan ini yang akan mengupayakan proses PdP yang berkesan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Peranan guru menjadi lebih penting dan mencabar melalui pelaksanaan PBS dalam KSSR. Guru perlu mempunyai autonomi yang tinggi dalam menentukan bentuk

pentaksiran yang perlu dilaksanakan untuk memastikan murid di bawah bimbingannya melepasi standard pembelajaran yang ditetapkan. Pearson dan Moomaw (2006) mendapati bahawa autonomi merupakan variabel utama apabila inisiatif pembaharuan pendidikan dilaksanakan. Melalui pelaksanaan PBS dalam KSSR, guru diberi autonomi untuk menentukan bentuk pentaksiran yang difikirkan sesuai untuk mentaksir serta menilai murid di bawah bimbingannya. Hal ini jelas dinyatakan dalam Panduan PBS oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, (2011) menerangkan konsep PBS yang memberikan pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif berasaskan sekolah.

Sistem pentaksiran dalam KBSR adalah tertumpu kepada penilaian sumatif dan formatif yang mengalakkan penilaian berterusan berlaku. Tindakan susulan diambil melalui pengayaan, pemulihan dan pengukuhan untuk meningkatkan pencapaian murid. Namun demikian, pencapaian tersebut tidak memberi bukti empirikal yang mencukupi untuk dibandingkan dengan satu penanda aras ataupun menunjukkan pembelajaran murid berlaku. KBSR menggalakkan guru-guru menyesuaikan objektif pembelajaran dengan pencapaian murid untuk memastikan murid dapat mengikuti perkembangan selari dengan kurikulum yang disediakan. Selain itu, guru juga digalakkan untuk menggunakan pelbagai kaedah dan bahan pengajaran yang sesuai untuk meningkatkan pengetahuan dan minat murid. Namun begitu, amalan guru di dalam bilik darjah yang lebih mirip kepada penyediaan murid untuk peperiksaan membantutkan usaha guru dalam mendidik murid (Nurul-Awanis, Hazlina, Yoke-May, Zariyawati, 2011; Tuah, 2007).

Tuah (2007) menegaskan ketidaksepadanan (*mismatch*) yang wujud antara objektif pembelajaran dengan kaedah penilaian yang diamalkan kerana tumpuan yang

diberikan kepada peperiksaan awam dan juga kepada penilaian sumatif. Yong dan Lim (2008), berpendapat bahawa bagi mengurangkan budaya pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan di sekolah, sistem pentaksiran perlu diperbaharui dengan memperkenalkan sistem penggredan berasaskan sekolah. Tumpuan juga harus diberikan kepada pentaksiran berasaskan tugas bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan penilaian. Desakan peningkatan prestasi pencapaian sekolah yang dilihat dari kaca mata pencapaian akademik, khususnya dalam pencapaian peperiksaan awam seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyebabkan guru mengambil jalan mudah untuk menyediakan murid untuk peperiksaan. Nurul-Awanis et. al. (2011) menjelaskan bahawa murid-murid hanya menumpukan perhatian kepada bahan peperiksaan dan tidak mengambil inisiatif untuk mempelajari kandungan pelajaran di luar skop peperiksaan. Chik (1989) dalam kajiannya tentang Sistem Penilaian (Pengujian) Sekolah-Sekolah Di Malaysia, melaporkan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru secara amnya bermatlamatkan kelulusan dan pencapaian tinggi dalam peperiksaan awam.

Istilah pentaksiran secara langsung membawa kita kepada ujian dan peperiksaan walaupun pada realitinya ujian dan peperiksaan adalah subset kepada satu set yang lebih luas iaitu pentaksiran. Ujian dan penilaian adalah instrumen yang digunakan untuk mengumpul dan membekalkan maklumat yang merangkumi pengukuran yang boleh diringkaskan dalam bentuk kuantitatif dan digunakan sebagai indikator pencapaian murid (Herman & Baker, 2009). Pentaksiran memberi ruang dan peluang kepada guru untuk menilai keberkesanan proses pembelajaran, pemahaman serta pencapaian murid.

Pentaksiran merupakan satu proses rutin yang dilakukan oleh guru bagi memastikan tiada murid yang ketinggalan. Pentaksiran ini juga berperanan sebagai kayu pengukur kejayaan pihak guru itu sendiri dalam membawa perubahan terhadap pembelajaran murid dibawah bimbingannya.

“...Sistem pentaksiran dan penilaian merupakan salah satu aspek yang perlu diberi penekanan dalam menentukan kualiti pendidikan dan pencapaian murid. Sistem pentaksiran dan penilaian yang baik mampu mencungkil potensi dan bakat murid. Pentaksiran dan penilaian adalah salah satu komponen utama proses pembelajaran dan merangsang pembelajaran bagi memotivasikan murid untuk memperbaiki mutu prestasi dan pencapaian akademik. Pada masa ini penekanan banyak diberi kepada pentaksiran sumatif yang hanya mampu memberi maklumat tentang pencapaian murid dalam pembelajaran tetapi tidak berupaya mengenal pasti kelemahan dan masalah murid dalam pembelajaran.”

(Halaman :64)

Peranan pentaksiran dalam membentuk murid yang kompeten dan berpengetahuan dalam pembelajaran tidak boleh di ambil mudah. Malah, guru perlu memberi perhatian yang serius terhadap aspek pentaksiran sebagai satu aspek dalam proses pengajaran guru untuk membantu pembelajaran murid.

Walaupun guru di sekolah telah menggunakan KBSR untuk satu jangka masa yang panjang, namun mereka tidak dapat mengintegrasikan pentaksiran bilik darjah sebagai sebahagian daripada pengajaran guru (Rohani, 2003). Kajian beliau juga menjelaskan bahawa guru-guru tidak menggunakan dapatan penilaian untuk membantu pembelajaran murid tetapi digunakan semata-mata untuk pemberian gred pencapaian sahaja. Walaupun tercatat dengan jelas dalam KBSR tentang penilaian formatif dan sumatif yang harus dilaksanakan, namun amalan guru lebih menjurus kepada penilaian sumatif yang menyebabkan penilaian formatif diabaikan. Hal ini kerana guru lebih

mengutamakan pencapaian murid dan pemberian gred semata-mata tanpa menilai semula kekuatan dan kelemahan dalam penguasaan pembelajaran murid (Chik, 1989).

Dalam kajian Chik (1989) tentang sistem penilaian (pengujian) sekolah di Malaysia, ujian yang dijalankan di sekolah adalah berlandaskan model peperiksaan umum dan tumpuan yang diberikan oleh guru di sekolah tersasar daripada matlamat asal untuk meningkatkan penguasaan murid dalam pelajaran. Harlen dan Crick (dalam Harlen, 2007) menegaskan bahawa akauntabiliti guru yang dinilai berdasarkan pencapaian murid dalam peperiksaan memberi tekanan kepada guru untuk meningkatkan pencapaian murid, dan guru mengambil jalan mudah dengan menyediakan murid untuk peperiksaan. Birenbaum, Breuer, Cascallar, Dochy, Dori dan Ridgway(2006) menyatakan bahawa amalan pentaksiran gagal menangani keperluan murid dan masyarakat yang kini mengharungi era globalisasi, moden, dan kompleks. Murid di sekolah dilatih dan disediakan untuk menghadapi peperiksaan umum kerana kejayaan dalam peperiksaan tersebut digunakan sebagai kayu pengukur prestasi guru dan taraf sekolah (Harlen, 2007) dan seterusnya mengabaikan perbezaan individu (Birenbaumet al., 2006). Hal ini disebabkan oleh penekanan yang lebih diberikan kepada penilaian sumatif, manakala penilaian formatif pula diabaikan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa amalan PUP kurang diberi penekanan atau kurang berlaku di sekolah (Chik, 1989; Stiggins, 2002; Birenbaumetal., 2006). Walaupun kedua-dua Pentaksiran Tentang Pembelajaran (*Assessment Of Learning*) (PTP) dan PUP merupakan aspek yang penting dalam proses pendidikan, namun kedua-dua bentuk pentaksiran ini tidak mendapat perhatian yang sama. Perbezaan yang ketara antara PUP dan PTP adalah bahawa PUP bersifat berbilang dimensi, formatif,

diintegrasikan dalam kurikulum, autentik, tersirat dalam konteks dan fleksibel (Birenbaumet al., 2006). Rohani (2003) menyatakan bahawa guru-guru tidak dapat mengintegrasikan pentaksiran bilik darjah sebagai satu proses pengajaran bilik darjah dan ujian yang dijalankan tidak digunakan sebagai satu bahan diagnostik untuk pembelajaran murid dan kekuatan serta kelemahan pembelajaran murid tidak dianalisis. Maklumat dalam kajian persepsi guru tentang PUP, Mohamad Azhar Mat Ali dan Jamaluddin (2007), mendapati faktor yang mempengaruhi amalan ciri PUP ialah faktor persepsi guru terhadap kepentingan prinsip asas pentaksiran, faktor pengalaman mengajar, dan faktor lokasi sekolah.

PUP merupakan satu proses berterusan yang perlu dilaksanakan oleh guru di bilik darjah bagi memastikan murid menguasai kemahiran yang disampaikan atau melepasi standard yang ditetapkan. PUP dapat membantu guru mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid, dan seterusnya membantu penyediaan pembelajaran murid. Proses ini juga akan membantu guru menyediakan rancangan pengajaran yang akan dapat membantu murid mengatasi kelemahan mereka ataupun bagi murid yang berjaya untuk melaksanakan pengukuhan dan bergerak ke tahap seterusnya. Stiggins (2002), menegaskan bahawa sistem pentaksiran yang sedia ada membawa keburukan akibat daripada kegagalan guru untuk mengimbangkan kegunaan dapatan ujian standard dan pentaksiran bilik darjah dalam meningkatkan pencapaian sekolah dan kualiti pendidikan.

1.2.3 Autonomi Guru

Barfield, Ashwell, Carroll, Collins, et al., (2001) menyatakan bahawa

“...Characterised by a recognition that teaching is always contextually situated, teacher autonomy is a continual process of inquiry into how teaching can best promote autonomous learning for learners. It involves understanding and making explicit the different constraints that a teacher may face, so that teachers can work collaboratively towards confronting constraints and transforming them into opportunities for change.

(Halaman:4).

Autonomi guru merangkumi pelbagai aspek dan perspektif. Peranan guru yang utama adalah sebagai ketua intruksional di dalam bilik darjah. Dari perspektif ini, guru perlu memiliki kemahiran yang tinggi, berpengetahuan dan mempunyai kebolehan membuat keputusan yang baik serta dapat menggerakkan murid selaras dengan sifat profesionalisme guru. Guru yang berautonomi perlu mempunyai keinginan untuk sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan diri serta sentiasa mencari atau meneroka pelbagai pilihan alternatif yang dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru yang berautonomi juga bekerja dengan muridnya secara terbuka dan penuh rasa tanggungjawab yang akan dapat merangsangkan pembelajaran mereka (Barfield et al., 2001).

Sebagai seorang profesional, guru seharusnya melibatkan diri dalam pemikiran kompleks aras tinggi untuk menjadi guru yang efektif dalam menjalankan tugas dan bukan sekadar sebagai seorang yang menerima dan melaksanakan arahan sahaja (Webb, 2002). Peranan guru dalam bilik darjah adalah penting bagi memastikan semua murid di bawah bimbingannya melepasi standard pembelajaran yang ditetapkan dalam KSSR. Tinjauan awal mendapati sistem pendidikan global bergerak ke arah pengukuhan terhadap pentaksiran bilik darjah dengan tumpuan diberikan kepada pentaksiran formatif. Peranan guru sebagai ketua intruksional di dalam bilik darjah merupakan

tanggungjawab yang amat berat dan perlu memiliki autonomi supaya PdP dapat dilaksanakan dengan berkesan. Menurut Brunetti (2001), autonomi guru mempunyai perkaitan yang rapat dengan motivasi guru, kepuasan kerja, stres (*burnout*), profesionalisme dan penurunan kuasa. Sehubungan itu, aspek-aspek tersebut merupakan pendorong autonomi guru. Terdapat juga pendapat pakar yang menyatakan bahawa kebebasan seperti pemilihan kaedah pentaksiran, pengadaptasian kurikulum dan inovasi dalam pelaksanaan kurikulum sebagai autonomi guru (Pearson & Moomaw, 2006). Autonomi diperlukan dalam kalangan guru untuk memastikan pengajaran guru yang berkesan dapat dilaksanakan bagi memenuhi kehendak pembelajaran setiap murid yang berbeza pencapaian.

Peranan guru dalam pelaksanaan PBS amat penting bagi memastikan murid melepasi standard pembelajaran yang ditetapkan dalam KSSR dan penguasaan ilmu murid dapat ditaksir dengan tepat bagi membantu pembelajaran mereka. Peranan guru dalam pentaksiran sekolah seperti yang dinyatakan dalam garis panduan pelaksanaan pentaksiran sekolah oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2012) adalah seperti yang berikut :

- a. menjadi pemudahcara dalam proses pembelajaran
- b. membuat pemerhatian langsung dan tak langsung tentang tingkah laku murid dalam pembelajaran
- c. mendapatkan maklumat tentang pembelajaran murid
- d. memberikan maklum balas tentang pembelajaran murid
- e. membantu memperbaiki pembelajaran murid berdasarkan maklumat yang diperoleh

(Halaman: 12)

Guru perlu memiliki autonomi yang tinggi dalam menjalankan tugasnya supaya produk akhir yang diinginkan, iaitu pembelajaran murid berjaya dilaksanakan dengan berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah

PBS bukanlah sesuatu yang baharu kerana pentaksiran dan proses PdP serta amalan instruksional guru adalah saling melengkapi antara satu sama lain. Tetapi amalan di dalam bilik darjah yang lebih dominan ke arah sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan memaksa perubahan yang komprehensif dilaksanakan ke atas sistem pentaksiran sekolah. Tumpuan yang diberikan ke atas peperiksaan menyebabkan amalan pentaksiran di sekolah lebih menjurus kepada ujian kertas dan pensil (*paper and pencil test*) yang bersifat pengujian tahap pengetahuan aspek kognitif murid (Rohani Abdul Hamid,2003). Sistem pentaksiran dan penilaian yang sedia ada dalam KBSR dikuasai atau dipengaruhi oleh sistem penilaian pusat seperti UPSR, PMR dan SPM. Hal ini menyebabkan tumpuan guru dan murid adalah terhadap persediaan menghadapi peperiksaan. Amalan guru di bilik darjah adalah lebih menjurus kearah latih tubi pelajaran yang berformatkan peperiksaan tersebut. Pelaksanaan PBS jelas menunjukkan komitmen KPM untuk membawa perubahan dalam sistem pentaksiran supaya tidak terlalu berorientasikan peperiksaan dan pembangunan murid secara menyeluruh selaras dengan usaha KPM (2006):

“Dalam usaha melahirkan murid yang boleh bersaing pada peringkat global dan pembangunan insan holistik, KPM akan mengkaji Sistem Pentaksiran dan Penilaian untuk menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasi peperiksaan, merintis pendekatan pentaksiran berasaskan sekolah, menguji pelaksanaan sistem semester dan cuba membangunkan kaedah baru pentaksiran yang mampu menggalakkan pembangunan keperibadian (character building)”.

Perubahan dalam sistem pentaksiran yang diperkenalkan dalam KSSR merupakan satu anjakan paradigma dalam arena pendidikan di negara kita. Terdapat bukti yang kukuh tentang keberkesanan PUP dalam meningkatkan pembelajaran murid melalui kajian yang berterusan daripada pakar pentaksiran seperti Webb dan Jones (2009), Stiggins dan Chappuis (2005), Miller (2005), organisasi professional seperti Jawatankuasa Bersama mengenai Piawaian Penilaian Pendidikan (2003) dan Stiggins (1994, 2001) terus memberikan sokongan terhadap penggunaan PUP. Namun demikian, pentaksiran di dalam bilik darjah tidak digunakan secara menyeluruh untuk menggalakkan pembelajaran murid (Tierney,2006; Rohani Abdul Hamid,2003). Perubahan dalam sistem pentaksiran semestinya bermula dengan suatu inovasi yang mungkin berbeza dengan amalan guru sekarang dan guru mempunyai pengetahuan dalam pengendalian pentaksiran bilik darjah (*Assessment Reform Group*, 2008). Guru perlu berperanan dalam membawa perubahan kepada amalan pentaksiran bilik darjah untuk menggalakkan pembelajaran murid. Hal ini memerlukan autonomi pada pihak guru supaya pelaksanaan tugas terutamanya PBS menjadi lebih berkesan dan bermakna. Menurut Webb dan Jones (2009), perubahan dalam amalan pentaksiran sewajarnya bermula dengan perubahan dalam budaya bilik darjah. Hal ini adalah berkaitan dengan budaya pengajaran guru yang berpusatkan kepada peperiksaan.

Sistem pentaksiran juga memainkan peranan penting untuk merealisasikan pembangunan modal insan dan pendidikan yang berkualiti. Amalan PdP guru yang berfokuskan kepada peperiksaan perlu dikurangkan supaya aspek pembinaan ilmu dan pembangunan keperibadian murid dapat ditingkatkan (Kementerian Pelajaran

Malaysia,2011a). Pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan awam seperti UPSR, PMR dan SPM tidak memberi gambaran sebenar kebolehan dan keupayaan murid terus mengukuhkan lagi pendapat umum tentang kelemahan sistem pendidikan yang berpusatkan peperiksaan. Realitinya, amalan guru mengajar peperiksaan (*teaching the test*) dan bukannya mengajar untuk peperiksaan (*teaching for the test*) mencadangkan PUP kurang atau tidak berlaku di sekolah.

Chik (1989) menegaskan bahawa kebanyakan guru tidak sedar akan keperluan PBS malah tumpuan yang diberi terhadap peperiksaan umum mengakibatkan penghasilan pemikiran konvergen berbanding dengan divergen, penghafalan berbanding dengan sambutan yang kreatif dan berimajinatif dan sistem pembelajaran yang kurang berkesan. Kajian beliau juga mendapati bahawa tenaga dan masa yang banyak digunakan dalam penyediaan murid untuk peperiksaan umum, dan ujian pada peringkat sekolah juga berlandaskan model peperiksaan tersebut. Rohani Abdul Hamid (2003) menyatakan bahawa kebanyakan guru memahami dan menggunakan ujian pencapaian sebagai satu aspek penting dalam pengajaran tetapi mereka kurang memahami konsep diagnostik ujian formatif tersebut yang digunakan untuk memperbaiki atau meningkatkan pembelajaran. Dengan pelaksanaan KSSR dan perubahan dalam sistem pentaksiran kepada PBS diharapkan dapat meningkatkan penyampaian pengajaran kearah pembinaan ilmu pengetahuan dan melahirkan murid yang berfikiran kreatif dan

Perubahan dasar yang berlaku, iaitu perubahan ke KSSR seperti yang dijelaskan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/ 2010, Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap Satu Mulai2011,turut menyaksikan perubahan dasar pentaksiran dan penilaian negara yang membawa perubahan kepada PBS. Perubahan ini dijelaskan

melalui Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Malaysia Bil. 1 Tahun 2011, Penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai Tahun 2011 dan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Malaysia Bil. 3 Tahun 2011, Pemakluman Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Rendah dan Menengah Rendah. Autonomi yang diberikan kepada guru mungkin dapat menjadikan pelaksanaan dasar sistem pentaksiran kebangsaan melalui PBS menjadi lebih berkesan. Menjelaskan autonomi guru dalam pelaksanaan PBS, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011) menyatakan bahawa pelaksanaan PBS:

“...memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah. Ini akan dapat meningkatkan integriti dan kredibiliti profesion perguruan kerana guru merupakan orang yang paling sesuai untuk mentaksir murid masing-masing kerana mereka:

- a) boleh memantau perkembangan murid secara berterusan
- b) boleh memberi maklum balas yang membina untuk penambahbaikan pembelajaranmurid
- c) lebih memahami konteks yang sesuai dengan persekitaran dan perkembangan murid
- d) mentaksir dan memberi maklum balas berpandukan standard prestasi”

(Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2011)

Autonomi guru memainkan peranan penting dalam pelaksanaan tugas di bilik darjah. Ciri yang amat penting bagi sesebuah profesion atau kerjaya ialah autonomi (Webb, 2002). Guru sebagai seorang profesional memerlukan autonomi tersebut bagi memastikan pengajaran yang lebih efektif dan dapat memenuhi keperluan murid yang pelbagai tahap kecerdasan. Guru sebagai seorang profesional berperanan sebagai individu yang dapat dirujuk untuk mendapatkan nasihat PdP (Sitch, 2005). Kejayaan dan kegagalan murid dalam sesuatu mata pelajaran bergantung kepada peranan guru

dalam menentukan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut keperluan murid tersebut. Menurut Pearson dan Moomaw (2006), fleksibiliti guru dalam menentukan aktiviti pengajaran, bahan bantu mengajar dan perancangan PdP amat kritikal dengan status profesional guru. Autonomi menjadi penentu kepada amalan PdP guru.

SKK adalah satu jenama yang diberikan kepada sekolah cemerlang dalam bidang kebitaraan masing-masing dan diberikan autonomi terpinpin (*guided autonomy*) dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah tersebut. SKK digalakkan untuk menjadi lebih kreatif dalam mewujudkan inovasi untuk meningkatkan kecemerlangan organisasi (Aziah, 2011). Kajian tersebut turut mendapati SKK mempunyai autonomi dalam hal membuat keputusan terhadap beberapa aspek, termasuk melaksanakan inovasi dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Inovasi dalam melaksanakan kurikulum merupakan salah satu aspek yang dilakukan oleh SKK. Hal ini termasuk melakukan penterjemahan kurikulum kebangsaan kepada pelbagai pendekatan pengajaran untuk memudahkan penyampaian kurikulum tersebut kepada murid-murid. Dalam hal ini, guru-guru di SKK ternyata mempunyai autonomi untuk melaksanakan inovasi dalam kurikulum yang perlu disampaikan kepada murid.

Mengambil kira premis tersebut, maka persoalan yang timbul ekoran daripada pelaksanaan PBS di sekolah adalah mengenai amalan autonomi guru dalam pelaksanaan pentaksiran pembelajaran murid. Pentaksiran murid oleh guru di SKK boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk yang difikirkan sesuai oleh guru tersebut. KSSR secara realitinya memberi autonomi kepada guru dalam menentukan bentuk pentaksiran yang perlu digunakan untuk menilai pencapaian murid. Tetapi, guru terlalu bergantung kepada bahan pentaksiran daripada buku rujukan dan sumber sedia ada untuk menilai